

20/11/1999

Janji tidak cetus kekacauan

PETALING JAYA, Jumaat - Barisan alternatif berjanji tidak mencetuskan kekacauan pada pilihan raya yang akan berlangsung pada 29 November ini.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali yang bercakap bagi pihak barisan alternatif, juga meminta Barisan Nasional (BN) supaya melakukan perkara sama.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu bertanggungjawab bagi memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar kerana beliau boleh mengawal askar, polis dan Cawangan Khas.

"Kami juga mahu pilihan raya kali ini dijalankan secara adil, bersih dan demokratik. Pilihan raya kali ini tidak menjadi paling buruk dalam sejarah," katanya pada sidang akhbar bersama dengan pemimpin barisan alternatif.

Turut hadir Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Naib Presiden Pas, Mustapha Ali dan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.

(END)